



جباٰن کتوا مذٰري ملاک

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA (JKMM)

Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya
75450 AYER KEROH
MELAKA

Tel : 06-333 3333 (Talian Utama)
Fax : Pejabat Am Ketua Menteri : 06-2329330
Pejabat Setiausaha Kerajaan : 06-2329350
Posel
Raami : www.melaka.gov.my

Ruj. Kami : JKMM.UKT 100-5/2-8 Jld.8 (31)

Tarikh : 9 November 2020

Semua Ketua Jabatan / Agensi Negeri Melaka

Semua Pegawai Daerah Negeri Melaka

**Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka**

**Semua Ketua Jabatan
Badan-badan Berkanun dan Anak-anak Syarikat**

**Semua Setiausaha Bahagian / Pengarah / Ketua Penolong Setiausaha
Jabatan Ketua Menteri Melaka**

YB Datuk/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin/ Tuan/ Puan,

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI NEGERI MELAKA

Dengan hormatnya adalah saya merujuk kepada perkara di atas dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuat kuasa mulai 9 November 2020 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Khas COVID-19 Negeri Melaka Bil. 16/2020 yang bersidang pada 9 November 2020 telah bersetuju dan memutuskan perkara-perkara seperti berikut:-

- 2.1 Hanya dua (2) orang sahaja yang dibenarkan keluar (termasuk dalam/ atas kenderaan) sebagai wakil daripada satu (1) isi rumah bagi tujuan membeli/ mendapatkan bekalan makanan (termasuk makan di restoran/ kedai makan/ dine-in)/ keperluan

...2/



(S)2020-1318-H00, M2, M002 - 2018

ISO 9001:2015 REG. NO. QMSL-10400

REC'D 27/01/2023 08:30:46.000 UTC+01:00

asas dan lain-lain keperluan. Individu bersiko tinggi dan kanak-kanak tidak digalakkan keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak;

- 2.2 Kenderaan yang membawa barang dan perkhidmatan perlu serta rantaian aktiviti ekonomi/ industri **DIBENARKAN** keluar masuk. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan ini bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan;
- 2.3 Pergerakan kenderaan persendirian, jabatan Kerajaan atau syarikat swasta bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi kerajaan adalah bergantung kepada kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut;
- 2.4 Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan **DIBENARKAN** beroperasi;
- 2.5 Bagi pergerakan udara melalui lapangan terbang, individu perlu mendapatkan kebenaran PDRM terlebih dahulu;
- 2.6 Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas ekspres, LRT/ MRT/ ERL/ Monorel dan teksi/ e-hailing **DIBENARKAN** beroperasi. Individu yang menggunakan pengangkutan awam bagi tujuan rentas negeri/ daerah **selain tujuan ke tempat kerja** perlu mendapatkan kebenaran PDRM;
- 2.7 Perkhidmatan teksi/ e-hailing (**maksimum hanya dua (2) orang penumpang**) dan penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari jam **6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam** sepanjang tempoh PKPB;
- 2.8 Kes-kes kecemasan dan kemalangan yang memerlukan rawatan di hospital/ klinik berdekatan dibenarkan bergerak mengikut kapasiti kenderaan **TANPA** perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM;

- 2.9 Kes temujanji perubatan **DIBENARKAN** bergerak mengikut **kapasiti kenderaan** hanya dengan menunjukkan surat atau temujanji;
- 2.10 Bagi kes pengurusan jenazah di luar kawasan PKPB adalah dibenarkan dengan perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. Jumlah penumpang dalam kenderaan mengikut **kapasiti penuh**;
- 2.11 Mana-mana individu yang berasal dari kawasan PKPB **DIBENARKAN** untuk pulang ke kawasan tersebut dengan perlu mendapatkan kebenaran PDRM;
- 2.12 Bagi aktiviti pekerjaan, pergerakan keluar/ masuk merentas kawasan PKPB **TIDAK DIBENARKAN**. Hanya pekerja yang mempunyai pas pekerja yang sah ATAU surat kebenaran daripada majikan pemohon **DIBENARKAN** untuk tujuan bekerja dan menjalankan tugas;
- 2.13 Kenderaan yang membawa pekerja termasuk kenderaan persendirian adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan pematuhan SOP dan kapasiti penuh;
- 2.14 Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPB berjalan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan;
- 2.15 Semua kenderaan berkaitan industri, perniagaan dan perkilangan **DIBENARKAN** beroperasi termasuk merentas daerah dan negeri;
- 2.16 Sektor perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantai makanan adalah **DIBENARKAN** beroperasi;
- 2.17 Aktiviti di kelab malam atau pub, taman tema, *indoor playground* dan panggung wayang **TIDAK DIBENARKAN**;

- 2.18 Aktiviti konsert atau acara langsung dengan kehadiran penonton **TIDAK DIBENARKAN**;
- 2.19 Semua seminar/ bengkel/ kursus/ latihan/ persidangan/ ceramah/ pameran dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)* **TIDAK DIBENARKAN** kecuali latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan hanya dalam kawasan institusi latihan sahaja;
- 2.20 Mesyuarat bersemuka agensi kerajaan dan swasta melibatkan kehadiran wakil agensi luar **TIDAK DIBENARKAN** kecuali dilaksanakan secara sidang video.
- 2.20.1 Mesyuarat dalaman mengikut Pekeliling / Arahan JPA dan garis panduan MITI adalah **DIBENARKAN**. (Contoh: Mesyuarat dalaman PDRM/ Mesyuarat dalaman JKN);
- 2.20.2 mesyuarat yang melibatkan ekspatriat dan C suite secara bersemuka **DIBENARKAN** dengan penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka;
- 2.21 Majlis rasmi dan tidak rasmi kerajaan dan swasta, majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion, retreat* dan lain-lain majlis sosial **TIDAK DIBENARKAN**;
- 2.22 Penyertaan pegawai kerajaan dan swasta bagi majlis rasmi dan tidak rasmi dari kawasan PKPB dan PKPD ke luar kawasan **TIDAK DIBENARKAN**;
- 2.23 Institusi Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, sekolah, tadika, taska dan pusat jagaan kanak-kanak **DITUTUP** dalam tempoh PKPB **KECUALI** taska dan pusat jagaan kanak-kanak bagi penjagaan anak-anak

frontliners dan ibubapa/ penjaga yang berkerja dengan kebenaran beroperasi oleh kementerian/ Kerajaan Negeri;

- 2.24 Pelajar sekolah, IPTA, IPTS yang mengambil ujian atau peperiksaan dengan institusi luar negara adalah **DIBENARKAN** untuk hadir menduduki peperiksaan sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran;
- 2.25 Aktiviti berkelah, aktiviti kolam renang, aktiviti bersentuhan fizikal/ sukan tempur, aktiviti perlawanan bagi sukan berpasukan dan aktiviti penganjuran kejohanan/ pertandingan **TIDAK DIBENARKAN**;
- 2.26 Aktiviti sukan dan rekreasi yang melibatkan penglibatan yang ramai dan sukar dikawal penjarakan fizikal **TIDAK DIBENARKAN**;
- 2.27 Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton dan acara serta pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negara **TIDAK DIBENARKAN**;
- 2.28 Aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB dan ke dalam kawasan PKPB **TIDAK DIBENARKAN**;
- 2.29 Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia **TIDAK DIBENARKAN** kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri; dan
- 2.30 Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan **TIDAK DIBENARKAN**.

3. Sehubungan dengan itu, *dilampirkan jadual waktu operasi perniagaan dan senarai aktiviti yang tidak dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berdasarkan SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara sehingga 8 November 2020* untuk perhatian dan tindakan pihak YB Datuk/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin/ Tuan/ Puan selanjutnya. YB Datuk/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin/ Tuan/ Puan juga adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dipatuhi sepenuhnya. YB Datuk/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin/ Tuan/ Puan juga adalah dipohon untuk bekerjasama dalam melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan berdasarkan kepada semua sektor yang berkaitan dengan pihak YB Datuk/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin/ Tuan/ Puan agar kita semua dapat memenangi perang terhadap wabak pandemik COVID-19 ini dengan jayanya.
4. Arahan ini berkuat kuasa mulai 9 November 2020 sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ditarik balik. Sebarang perubahan berkaitan arahan-arahan ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada keputusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK SALCHAH BINTI SALLEH)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri
Melaka

s.k.

- i. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
- ii. YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
- iv. Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Ketua Menteri Melaka
- v. Fail Timbul



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
1	Sektor Peruncitan i. Kompleks membeli bahan ii. Pasaraya / pasaraya besar iii. Departmental store iv. Farmasi / penjagaan diri v. Butik/ kedai pakaian vi. Kedai serbaneka / minimart / Kedai Serbaneka 24jam	6 pagi hingga 10 malam	
2	Sektor Peruncitan Dobi (termasuk layan diri)	6 pagi hingga 10 malam	
3	Sektor Peruncitan Kedai pakaian dan aksesori fesyen	6 pagi hingga 10 malam	
4	Sektor Peruncitan Restoran (Dine In / Take away / Delivery / Drive Through)	6 pagi hingga 10 malam	Dine-in dihadkan 2-4 orang satu meja dengan penjarakan 1 meter antara pelanggan
5	Sektor Peruncitan i. Kedai perabot ii. Kedai emas iii. Kedai elektrik dan elektronik iv. Kedai buku & alat tulis v. Kedai hardware vi. Makanan harian	6 pagi hingga 10 malam	
6	Sektor Peruncitan Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti	6 pagi hingga 10 malam	
7	Sektor Peruncitan Kedai cermin-mata dan alat optik	6 pagi hingga 10 malam	
8	Sektor Peruncitan Stesen minyak	i. Stesen minyak 6 pagi hingga 10 malam ii. Kedai Serbaneka Dibenarkan sehingga 10 malam	Kecuali Stesen minyak di lebuh raya dibenarkan beroperasi 24 jam
9	Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis) (Dine In / Take Away / Delivery / Drive Through) i. Restoran ii. Medan Selera / Pusat Penjaja iii. Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung) / Kiosk	6 pagi hingga 10 malam	Dine-in dihadkan 2-4 orang satu meja dengan penjarakan 1 meter antara pelanggan
10.	Sektor Makanan (Perniagaan / Penjajaan Tanpa Premis) (Dine In / Take Away / Delivery / Drive Through) i. Kenderaan Saji / Food Truck ii. Penjaja Beredara iii. Penjaja Tepi Jalan (Sementara)	6 pagi hingga 10 malam	Dine-in dihadkan 2-4 orang satu meja dengan penjarakan 1 meter antara pelanggan



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL.	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
11.	Sektor Makanan (Pasar Berbangunan) Pasar awam berbumbung	6 pagi hingga 2 petang	Pematuhan SOP dan pengawasan pihak berkuasa
12.	Sektor Makanan (Pasar Berbangunan) Pasar Botong	12 pagi hingga 6 petang	Pematuhan SOP dan pengawasan pihak berkuasa
13.	Sektor Makanan (Pasar Tanpa Premis) i. Pasar Segar Terkawal (PST) ii. Pasar Tani	6 pagi hingga 12 tengah hari	Pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA / PBT
14.	Sektor Makanan (Pasar Tanpa Premis) Pasar Malam	4 petang hingga 10 malam	Pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA / PBT
15.	Sektor Makanan (Peruncitan / Serbaneka / Makanan & Minuman) i. Pasar raya mini ii. Kedai nunoi iii. Kedai serbaneka	6 pagi hingga 10 malam	
16.	Sektor Kebudayaan & Kesenian Pameran barang / hasil seni & perpustakaan (Galeri Arkip Memorial, Pusat Kraftangan, Perpustakaan)	Dibenarkan	
17.	Sektor Pelancongan i. Premis Penginapan Perhotelan ii. Aktiviti Pelancongan	Dibenarkan	Kecuali aktiviti yang tersenaraikan dalam Senarai Yang Tidak Dibenarkan (Negative List)
18.	Sektor Pelbagai Kemudahan penginapan berpusat pekerja (CLQ) / hostel / asrama pekerja di sektor pembuatan dan lain-lain sektor	Dibenarkan	
19.	Sektor Perkhidmatan i. Pemasangan dan penyenggaraan jentera (tl, eskalator, dandang dan lain-lain) bagi sektor perkhidmatan ii. Pemasangan dan penyenggaraan tower crane di tapak bina	Dibenarkan	
20.	Sektor Kesihatan i. Hospital & Klinik ii. Klinik Pengigian iii. Kedai Farmasi iv. Pusat Diagnostik v. Fasiliti perubatan tradisional dan komplimentari vi. Pusat jagaan vii. Pusat bersalin viii. Pusat fisioterapi/rehabilitasi ix. Pusat dialisis x. Optometri xi. Makmal Perubatan	Dibenarkan	<i>Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 8 pagi hingga 11.00 malam</i>



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSVARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL.	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
21.	Sektor R&D dan makmal-makmal sijil <ul style="list-style-type: none"> i. Penyelidikan/Pengujian ii. Perkhidmatan analitikal iii. Audit iv. Kerja Penyelenggaraan v. Kalibrasi 	Dibenarkan	
22.	Sektor Agrikomoditi <ul style="list-style-type: none"> i. Semua sektor agrikomoditi - pengeluaran agrikomoditi (sawit, getah, koko, lada, kensel dan kayu kayan termasuk ladang hutan) dan rantaiannya (penuaian, pengumpulan, pengangkutan, dan penyelenggaraan) bagi ladang dan pekebun kecil; ii. Dagangan agrikomoditi (jualan, belian, penggredien, pengangkutan dan pengumpulan); dan iii. Input pertanian (ansik benih, baja, racun, peralatan, alat ganti jentera dan mesin) 	Dibenarkan	
23.	Sektor Agrikomoditi Semua sektor agrikomoditi - kilang pemprosesan agrikomoditi (sawit, getah, kayu dan perabot, koko, lada, kensel dan biodiesel)	Dibenarkan	
24.	Sektor Alam Sekitar Operasi Kontraktor Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Klinikal - SW404)	Dibenarkan	
25.	Sektor Alam Sekitar Operasi Kontraktor Pelupusan Buangan Terjadual dari Premis Industri	Dibenarkan	
26.	Sektor Perkhidmatan Berkaitan Guaman Semua firma guaman bagi conveyancing dan korporat. Skop berkaitan dengan litigasi adalah tetaplik kepada arahan Kerajaan supaya Mahkamah mula beroperasi	Dibenarkan	
27.	Perkhidmatan Iktisas dan Profesional Semua perkhidmatan iktisas dan profesional yang menjadi rantai kepada ekonomi	Dibenarkan	
28.	Sektor Bekalan Air (Operator Air) <ul style="list-style-type: none"> i. Kaunter Perkhidmatan Pelanggan ii. Kaunter Agensi Perakuan iii. Mesyuarat bersama pihak luar iv. Lawatan tapak untuk verifikasi v. Aktiviti Penguetkuasaan Kes Ouri Air / Pencemaran vi. Mesyuarat/Perbincangan dalam vii. Pengoperasian dan penyenggaraan loji rawatan air viii. Pembakaran paip pecah/bocor ix. Pengambilan sampel mengikut PMF x. Pembacaan meter xi. Pengebaran 	Dibenarkan	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
29.	Sektor Perkhidmatan Pembentungan (Kontraktor BWK) <ul style="list-style-type: none"> i. Operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan ii. Kumbahan Awam iii. Penyelenggaraan Peralatan M&E iv. Penyelenggaran, Pembalikan & Membaik pulih Paip Pembentungan v. Pemeriksaan Panel Elektrik oleh Junjura Berdaulah vi. Kerja-kerja Pemasangan & Petaulahan Peralatan vii. Pelupusan Sisa Pepejal dan Enapcamer viii. Kegiatan kerja pemotongan rumput dan penyelenggaraan tapak loji ix. Pembekalan Bahan Kimia, Peralatan M&E, Paip dan Aksesori, Penutup Lurang Pembentungan x. Pembekalan bahan binaan untuk kerja-kerja pembekalan loji dan paip pembentungan xi. Kawalan Keselamatan (Pengawal Keselamatan & dan Sistem Elektronik) xii. Pembersihan Pejabat (housekeeping) xiii. Aktiviti Siasatan Tapak xiv. Aktiviti Pungutan Hutang xv. Khidmat Runding dan Penyelidikan 	Dibenarkan
30.	Sektor Industri Kawalan Keselamatan Swasta <ul style="list-style-type: none"> i. Kawalan keselamatan swasta di premis kerajaan/swasta ii. Pergerakan pengawal keselamatan pergi dan pulang daripada bertugas iii. Pengurusan operasi syarikat kawalan keselamatan 	Dibenarkan
31.	Sektor Kewangan (Aktiviti Berhadapan Dengan Pelanggan / Penggunaan Terminal Layan Diri / Operasi Dataman Institusi Kewangan) <ul style="list-style-type: none"> Semua perkhidmatan kewangan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> i. Institusi perbankan, insurans/kehul, kewangan pembangunan ii. Pengantara diluluskan dan berdaftar iii. Ejen Perbankan iv. ATM 	Dibenarkan
32.	Sektor Kebersihan - KPKT Pembangunan kemudahan pengurusan sisa pepejal: <ul style="list-style-type: none"> i. Pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari ii. Pembinaan stesen pemindahan sisa pepejal iii. Penutupan selamat tapak pelupusan iv. Pembinaan kemudahan rawatan sisa pepejal seperti Insinerator, Anaerobic Digester (AD), kemudahan pengkomposan, Material Recovery Facility (MRF) dan sebagainya; dan v. Pembinaan fasiliti-fasiliti infrastruktur lain seperti jalan masuk tapak pelupusan, menaiktaraf kemudahan tapak pelupusan dan sebagainya. 	Dibenarkan



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
33.	Sektor Keselamatan - KPKT Urusan Pemeriksaan Dan Pemantauan: i. Pemeriksaan Pengeluaran Sokongan CCC/OP ii. Projek Pembangunan Jabatan iii. Perakuan Bomba iv. Penyiasatan Kebakaran	Dibenarkan	
34.	Sektor Pembinaan - KPKT Seluruh rantau sektor pembinaan perumahan di bawah JPN, PRIMA, SPNB, PPAM & Bahagian Pembangunan, KPKT	Dibenarkan	
35.	Kredit Komuniti dan Pajak Gada i. Bayaran baik pinjaman berjadual ii. Bayaran baik caj keuntungan atas barang sandaran/panebutan iii. Transaksi pinjaman baharu iv. Pajakan barang sandaran baharu	Dibenarkan	
36.	Sektor Pembinaan i. Mana-mana kerja pembinaan yang ditetaskan dalam Akta 520 ii. Pengetaman profesional yang terlibat dengan industri pembinaan	Dibenarkan	
37.	Sektor Pembuatan Semua sektor pembuatan kecuali yang disenaraikan dalam negative list	Dibenarkan	
38.	Sektor Pembekalan Elektrik <u>(Perkhidmatan Pelancongan & Peruncitan)</u> i. Bacaan meter dan pembelian di tapak ii. Operasi Kedai Tenaga iii. Penyambungan bekalan baharu iv. Pemotongan bekalan (tunggakan bf)	Dibenarkan	
39.	Sektor Pengurusan Strata i. Pengoperasian Pejabat Pengurusan ii. Mesyuarat Jkuasa iii. Pengurusan Posi Courier/ Pekerja Penghantaran iv. Pengurusan Penyenggaraan Kerosakan v. Perlindungan Pekerja dan Pembersihan vi. Langkah-Langkah Pencegahan vii. Pengurusan Penghuni viii. Urusan pindah masuk atau keluar bagi penyewa sahaja ix. Urusan renovation bagi skim komersil dan landed strata sahaja,	Dibenarkan	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
40.	Sektor Minyak & Gas <ul style="list-style-type: none"> i. Penerokaan ii. Pembangunan iii. Pengeluaran iv. Pemprosesan Gas v. Pencairan vi. Penapisan Minyak vii. Petrokimia 	Dibenarkan	
41.	Sektor Pembekalan Elektrik (Pembahagian Elektrik) <ul style="list-style-type: none"> i. Senggaraan dan tindakan pembekalan ii. Aduan berkenaan meter iii. Pengurusan aduan lampu zwam iv. Permohonan bekalan baru v. Pemasangan meter baru 	Dibenarkan	
42.	Sektor Pembekalan Elektrik Pelaksanaan projek-projek dan Penyelenggaraan bagi sistem penjanaan, penghantaran, pembahagian dan keperluan pengguna elektrik di: <ul style="list-style-type: none"> i. Pemaju Projek Elektrik ii. Kontraktor Elektrik iii. Juruperunding iv. Pembekal 	Dibenarkan	
43.	Sektor Pembekalan Gas Pelaksanaan projek-projek & Penyelenggaraan Gas di bahagian penghantaran, pembahagian dan keperluan pengguna Gas oleh: <ul style="list-style-type: none"> i. Pemaju Projek Gas ii. Kontraktor Gas iii. Juruperunding iv. Pembekal 	Dibenarkan	
44.	Sektor Pengurusan Hutan <ul style="list-style-type: none"> i. Pengusahaan Hutan (Pembalsakan) ii. Perindustrian Kayu (Industri Berasas Kayu) iii. Perladangan Hutan iv. Projek RMKe-11 (RP4 Tahun 2020) v. Penguatkuasaan dan Rondaan Perhutanan 	Dibenarkan	
45.	Sektor Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan <ul style="list-style-type: none"> i. Perkhidmatan penyelidikan, pembangunan & perundingan ii. Perkhidmatan jualan & pensijilan iii. Perkhidmatan jualan bahan iv. Perkhidmatan pemprosesan & pengilangan produk 	Dibenarkan	
46.	Sektor Perombongan dan Pengkuaran <ul style="list-style-type: none"> i. Pengorekan & Pengestrakan Mineral & Bahan-Bahan ii. Peletupan iii. Menyimpan, Memproses & Mengangkul Mineral iv. Pengeksportan Mineral & Bahan-Bahan v. Penjelajahan dan Carigali 	Dibenarkan	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	
47.	Industri Pertahanan Semua industri pertahanan kecuali yang tersenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
48.	Pusat Jagaan Warga Emas Semua Pusat Jagaan Warga Emas kecuali di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) L. Desa Bina Diri (DBD) II. Rumah Seri Kenangan (RSK) III. Rumah Ehsan (RE) IV. Pusat Jagaan PSK / Swasta	Dibenarkan	
49.	Pusat Jagaan Semua Pusat Jagaan kecuali di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) I. Pusat Jagaan PSK / NGO / Swasta	Dibenarkan	
50.	Sektor Sosial Pengurusan Aktiviti Rukun Tetangga (KRT)		DITANGGUHKAN
51.	Sektor Sosial Pengurusan Skim Rondaan Sukarela (SRS)		DITANGGUHKAN
52.	Sektor Pengangkutan (Udara) I. Perkhidmatan penerbangan berjadual penumpang dan kargo bagi laluan domestic dan antarabangsa II. Perkhidmatan general aviation termasuk business & private jet operation	Dibenarkan	
53.	Sektor Pengangkutan (Udara) I. Perkhidmatan lapangan terbang II. Perkhidmatan pengendalian darat III. Perkhidmatan kawalan trafik udara IV. Perkhidmatan sekolah penerbangan / kolej penerbangan / latihan penerbangan (sama seperti sektor pangajar tinggi)	Dibenarkan	
54.	Sektor Pengangkutan (Maritim) Operasi pelabuhan	Dibenarkan	
55.	Sektor Pengangkutan (Maritim) Perkhidmatan berjadual feri penumpang	Dibenarkan	
56.	Sektor Pengangkutan Awam Darat (Teksi / E-Hailing) Operasi perkhidmatan taxi dan e-hailing Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang	Dibenarkan	
57.	Sektor Pengangkutan Awam Darat (REL) I. Operasi perkhidmatan rel penumpang KTMB (ETS, ANTARABANDAR & KOMUTER), PRASARANA / RAPIDRAIL (MRT, LRT & MONOREL), ERL (KLIA, EKSPRES & KLIA TRANSIT) II. Aktiviti Perniagaan dan fasiliti awam di stesen	Dibenarkan	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
58.	<u>Sektor Logistik</u> I. Perkhidmatan freight forwarder dan agen kastam II. Operasi ion hauliers III. Operasi rel barangang (freight train) IV. Operasi shipping line dan Non Vessel Operating Common Carrier (NVOCC) V. Operasi kargo udara (air freight) VI. Aktiviti penstori (pergudangan, off dock) VII. Operasi Inland Container Depot VIII. Operasi ancillary services kepada pengangkutan melalui darat, air atau udara (towing, bengkel, supply tayar etc)	Dibenarkan	Pematuhan kepada SOP yang telah ditetapkan
59.	<u>Sektor Logistik</u> Operasi courier/ e-hailing (penghantaran barangang melalui kenderaan persendirian dan perdagangan)	Dibenarkan	Pematuhan kepada SOP yang telah ditetapkan
60.	<u>Sektor Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
61.	<u>Sektor Makanan (Padi dan Beras)</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
62.	<u>Sektor Perdagangan dan Keselamatan</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
63.	<u>Sektor Perikanan</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
64.	<u>Sektor Pertanian</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
65.	<u>Sektor Makanan (Nanas)</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
66.	<u>Sektor Penternakan</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
67.	<u>Aktiviti Ar-Rahnu Koperasi</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
68.	<u>Aktiviti Kredit Koperasi</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
69.	<u>Sektor Komunikasi</u> Semua kecuali yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang	Dibenarkan	
70.	<u>Sektor Teknologi Maklumat</u> Semua sektor teknologi maklumat Pemberangunan dan Sokongan IT; Pusat Data & Keselamatan Siber; Perkhidmatan Pemilagaan & Pusat Penggiliran Penyepudur; Pengedaran dan Prinsipal Sistem	Dibenarkan	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
71.	Sektor E-Dagang Semua sektor e-dagang Platform marketplace Pergudangan Pengedaran Pembayaran Penghantaran Perkhidmatan, termasuk pemasangan dan penyelenggaraan	Dibenarkan	
72.	Sektor Industri Kreatif		i. Aktiviti rakaman bagi muzik, konsert, penggambaran filem, buah bicara dan seumpamanya DIBENARKAN sama ada rakaman dalaman (studio) atau luar premis TERHAD di dalam kawasan PKPB sahaja dengan jumlah kru yang minima dan TANPA PENONTON serta mematuhi SOP industri kreatif; ii. Aktiviti acara langsung dibenarkan tanpa penonton dengan jumlah kru dan petugas yang ditetapkan oleh KKMM; dan iii. Aktiviti busking di dalam lokasi tertutup (dalam bangunan) DIBENARKAN dengan kawalan masa persembahan dan jumlah penonton yang ditetapkan oleh KKMM.
73.	Sektor Pendidikan i. Institusi Pengajaran Tinggi Awam & Swasta ii. Institut Latihan Kemahiran iii. Sekolah iv. Tedika v. Taska vi. Pusat jagaan kanak-kanak	Tidak Dibenarkan	KECUALI tugas dan pusat jagaan kanak-kanak bagi penjagaan anak-anak frontliners dan ibubapa/pengerja yang berkerja dengan kebenaran beroperasi oleh Kementerian/Kerajaan Negeri
74.	Sektor Pendidikan i. Pusat Tahfiz	Tidak Dibenarkan	KECUALI dengan kebenaran Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI NEGERI MELAKA
(9 NOVEMBER 2020 HINGGA 6 DISEMBER 2020)**

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
75.	Sektor Sukan & Rekreasi i. Aktiviti sukan dan rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> i. Aktiviti risukan dan rekreasi yang tidak bersentuhan fizikal (indoors dan outdoors) dan dijalankan secara individu tidak melebihi 10 orang seperti berjalan, jogging, berbasikal, senam robik kender, hiking, memancing dan lain-lain di dalam kawasan PKPB sahaja adalah DIBENARKAN dengan mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi; ii. Aktiviti di padang bola sepak komersial, gymnasium, gelanggang futsal dan dewan badminton komersial yang mempunyai premis DIBENARKAN beroperasi bermula 8.00 pagi hingga 10.00 malam dengan mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi; iii. Keberoperasi beroperasi dan menggunakan fasiliti padang komersial dan futsal oleh orang awam adalah TERHAD bagi aktiviti latihan yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan maksimum 10 orang sahaja. Setiap pengusaha dan operator sukan perlu menjadualkan pelaksanaan latihan sekiranya terdapat ramai peserta dengan menghadkan jumlah tidak melebihi 10 orang pada satu-satu masa; dan iv. Program latihan berpusat yang sedia ada dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri-negeri berkaitan boleh diteruskan secara "Quarantine Based Approach" seperti yang dilaksanakan di Kompleks MSN Bukit Jalil dan Keramat, Akademi Badminton Malaysia, Bukit Kera, Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik, Kg. Pandan dan Velodrome, Nia, 	
76.	Aktiviti Keagamaan <i>(Tertakluk kepada SOP yang diketahui oleh Pejabat Mufti & JAIM bagi aktiviti agama Islam dari Jabatan Perpaduan dan Integrasii Nasional bagi aktiviti agama bukan Islam)</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. Aktiviti di masjid dan surau DIBENARKAN mengikut kapasiti masjid dan surau dengan penjarakan fizikal dan pematuhan SOP; ii. Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam DIBENARKAN mengikut kapasiti rumah ibadat dengan perjarakan fizikal dan pematuhan SOP; iii. Upacara pernikahan (akad nikah) Islam DIBENARKAN dengan kehadiran had maksima 20 orang sahaja berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal di pejabat Agama / tertakluk kepada jumlah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri; dan iv. Upacara perkahwinan bukan Islam DIBENARKAN dengan kehadiran had maksima 30 orang berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal di Jabatan Pendaftaran Negara / Rumah Ibadat / Persatuan Agama Bukan Islam. 	
77.	Lain-lain Aktiviti pembinaan dan pergubahan rumah-rumah kampung / taman	Dibenarkan	
78.	Taska dan Pusat Jagaan Kanak-kanak	Dibenarkan <i>(Penjagaan anak-anak frontliners dan ibu bapa / penjaga yang bekerja dengan kebenaran beroperasi oleh kementerian / Kerajaan Negeri)</i>	

LAMPIRAN B

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (NEGATIVE LIST)
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (NEGATIVE LIST)
AKTIVITI HIBURAN	
1.	Aktiviti di kelab malam atau pub, taman tema, <i>indoor playground</i> dan panggung wayang TIDAK DIBENARKAN
2.	Aktiviti konsert atau acara langsung dengan kehadiran penonton TIDAK DIBENARKAN
SEMINAR / BENGKEL / PERSIDANGAN / PAMERAN	
3.	Semua seminar / bengkel / kursus / latihan / persidangan / ceramah / pameran dan aktiviti berkaitan dengan <i>Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)</i> TIDAK DIBENARKAN kecuali latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan hanya dalam kawasan institusi latihan sahaja
MESYUARAT	
4.	Mesyuarat bersemuka agensi kerajaan dan swasta melibatkan kehadiran wakil agensi luar KECUALI mesyuarat secara bersemuka yang melibatkan ekspatriat dan <i>C suite</i> dengan penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka dan mesyuarat dalaman mengikut Pekeliling / Arahan JPA dan garis panduan MITI adalah DIBENARKAN
PENGANJURAN MAJLIS KERAMAIAIN	
5.	Majlis rasmi dan tidak rasmi kerajaan dan swasta, majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, <i>reunion</i> , <i>retreat</i> dan lain-lain majlis sosial TIDAK DIBENARKAN
6.	Penyertaan pegawai kerajaan dan swasta bagi majlis rasmi dan tidak rasmi dari kawasan PKPB dan PKPD ke luar kawasan TIDAK DIBENARKAN

BIL	AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (NEGATIVE LIST)
PENDIDIKAN	
7.	<p>Institusi Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, pusat tafhib, sekolah, tadika, taska dan pusat jagaan kanak-kanak DITUTUP dalam tempoh PKPB KECUALI taska dan pusat jagaan kanak-kanak bagi penjagaan anak-anak <i>frontliners</i> dan ibubapa / penjaga yang berkerja dengan kebenaran beroperasi oleh kementerian/ Kerajaan Negeri.</p> <p>PENGECUALIAN : Pelajar sekolah, IPTA, IPTS yang mengambil ujian atau peperiksaan dengan institusi luar negara adalah DIBENARKAN untuk hadir menduduki peperiksaan sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran</p>
AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI	
8.	Aktiviti berkelah, aktiviti kolam renang, aktiviti bersentuhan fizikal / sukan tempur, aktiviti perlawanan bagi sukan berpasukan dan aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan TIDAK DIBENARKAN
9.	Aktiviti sukan dan rekreasi yang melibatkan penjarakan fizikal TIDAK DIBENARKAN
10.	Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton dan acara serta pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negara TIDAK DIBENARKAN
AKTIVITI PELANCONGAN	
11.	Aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB dan ke dalam kawasan PKPB TIDAK DIBENARKAN
12.	Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia TIDAK DIBENARKAN kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri
LAIN-LAIN YANG TIDAK DIBENARKAN	
13.	Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan TIDAK DIBENARKAN
14.	Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa